

29/11/1997

Krisis ekonomi untungkan sektor pembuatan

GEORGETOWN, Jumaat - Krisis mata wang yang melanda kebanyakan negara termasuk Malaysia ketika ini mendatangkan rahmat tersembunyi kepada Pulau Pinang, terutama dalam bidang pembuatan dan sumber manusia.

Ini berikutan penurunan kos pembuatan bagi kebanyakan barangan keluaran tempatan yang kini boleh dihasilkan pekerja terlatih menggunakan teknologi tinggi serta canggih.

Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Pembangunan Sumber Manusia dan Transformasi Industri negeri, Datuk Dr Kang Chin Seng, berkata Pulau Pinang kini menjadi tumpuan pelbagai sektor pembuatan asing kerana mempunyai sumber manusia terlatih di samping dilengkapi teknologi canggih.

"Nampaknya mahu atau tidak, kita akan terus menikmati perkembangan sihat ini buat beberapa ketika biarpun negara sedang dilanda kemelut ekonomi," katanya sekarang," katanya di majlis pelancaran Expo Hartanah Kedua anjuran Intrenasionale Incorporated Malaysia, di Komtar, hari ini.

Dr Kang berkata demikian ketika mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Menurutnya, kelantangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di peringkat antarabangsa ketika membantah manipulasi mata wang yang dijalankan pihak tidak bertanggungjawab juga kini sudah mula mendapat perhatian dan sokongan banyak pihak.

"Usaha Dr Mahathir mengemukakan perhatian umum agar menyokong pendiriannya membanteras perbuatan tidak bertanggungjawab itu ternyata mendapat sokongan semua wakil negara yang menyertai mesyuarat Apec," katanya.

Sejumlah 19 syarikat pemaaju tempatan dari seluruh negara mengambil bahagian dalam expo berkenaan melalui gerai masing-masing bagi mempamerkan pelan serta reka bentuk projek.

Antara pemaaju yang mengambil bahagian dalam Expo itu, termasuk Ambangan Heights Sdn Bhd, Rahman Hydraulic Sdn Bhd, Sepadan Tuah Sdn Bhd dan Tambun Indah Sdn Bhd.

Expo tiga hari itu dibuka percuma kepada orang ramai mulai jam 11 pagi hingga jam 8 malam.

(END)